**UTUSAN MALAYSIA, JUMAAT 28 MAC 2008      M/S 8**

# Haram Guna ***Rhodamine B*** dalam Belacan

KUALA LUMPUR 27 Mac – Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengharamkan penggunaan bahan pewarna *Rhodamine B* dalam belacan yang boleh menyebabkan penyakit barah atau karsinogen.

Pengarah Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan KKM, Noraini Mohd Othman berkata, penjualan dan penyediaan makanan yang mengandungi *Rhodamine B* adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983.

Katanya, jika sabit kesalahan, peniaga atau pegeluar boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Noraini menambah, bagi pelanggaran yang melibatkan belacan yang diimport, produk tersebut akan disenarai hitamkan serta pengimportan seterusnya adalah tertakluk kepada prosedur ‘Tahan, Uji dan Lepas’.

Kementerian Kesihatan sentiasa menjalankan pemantauan ke atas semua makanan di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan sama ada ia diimport atau disediakan dalam negara ini.

“Bagi menangani masalah melibatkan pembuatan belacan, kementerian juga telah melancarkan satu Operasi Khas Belacan pada bulan ini yang melibatkan pengambilan sampel belacan dan pemeriksaan premis belacan di seluruh negara”, katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurut Noraini, bagi tahun 2007, denda sebanyak RM300 dikutip melalui operasi yang sama berbanding RM800 pada tahun 2006 dan RM4,408.10 pada tahun 2005.

Katanya, penumpuan aktiviti penguatkuasaan bagi menjamin keselamatan makanan tidak hanya terhad kepada belacan sahaja sebaliknya melibatkan pelbagai jenis makanan.

Beliau berkata, keprihatinan pelbagai pihak termasuk persatuan pengguna amat diharapkan untuk menyalurkan maklumat lengkap beserta nama dan alamat pengilang yang disyaki menyalahi kehendak perundangan makanan kepada KKM atau Jabatan Kesihatan Negeri supaya tindakan segera dapat dilakukan.